

24 JUN 2003

Parlimen-Mahathir (Perlembagaan)

PERSEMPADANAN SEMULA SELARAS DENGAN PERTAMBAHAN JUMLAH PEMILIH

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya perlu dibuat bagi menampung pertambahan jumlah pemilih.

Kali terakhir kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri dilakukan pada tahun 1994, kata Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2003 pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Rang Undang-Undang itu dibentangkan bagi meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan untuk menambah bilangan anggota Dewan Rakyat ekoran persempadanan semula bahagian pilihan raya oleh SPR dari 8 Ogos 2002 hingga 7 Sept 2002.

Beliau berkata mengikut daftar pemilih yang disahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 27 Dis 2001, jumlah pemilih bagi negeri-negeri Semenanjung dan Sabah (tidak termasuk Sarawak), meningkat kepada 9,093,649 orang berbanding 7,438,156 pada 1994.

"Ini bermakna sejak tahun 1994 bilangan pemilih bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah telah meningkat kira-kira 1,655,393 orang (atau 23 peratus)," katanya.

Tambahan yang dicadangkan pada persempadanan semula SPR ialah enam kawasan di Johor, masing-masing lima di Sabah dan Selangor, tiga di Pahang, dua di Pulau Pinang dan masing-masing satu di Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Cadangan menambah 25 kerusi Parlimen itu menjadikan keseluruhan kerusi Parlimen sebanyak 219.

"Sungguhpun beberapa negeri tidak mendapat tambahan kerusi Parlimen, ini bukan bermakna negeri-negeri berkenaan tidak terlibat dalam urusan persempadanan pada kali ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu berkata kali terakhir tambahan bilangan kerusi Parlimen dibuat pada tahun 2001 apabila Wilayah Persekutuan Putrajaya diwujudkan melalui Akta A1095 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 menjadikan jumlah kerusi Parlimen 194.

Beliau juga menjelaskan bahawa Sarawak tidak terlibat kerana ia telah mempersempadankan semula kawasan pilihan raya pada 1996 dan perlembagaan tidak mengizinkan persempadanan semula dibuat sebelum genap lapan tahun.

Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa tambahan kerusi bagi negeri-negeri Perlis, Kelantan, Terengganu dan Kedah tidak diberikan dalam persempadanan semula itu disebabkan SPR berpendapat jumlah kerusi yang sedia ada bagi negeri-negeri berkenaan sudah memadai.

Dr Mahathir juga berkata kesan yang nyata daripada tambahan kerusi itu ialah bahagian-bahagian pilihan raya yang dulunya sangat luas dan menyukarkan wakil-wakil rakyat untuk melawat dan mendekati rakyat, telah dapat diselaraskan dan menjadi lebih kecil dengan bilangan pemilih yang berpatutan.

Bahagian-bahagian pilihan raya yang kecil pula tetapi mempunyai bilangan pemilih yang ramai, telah dikurangkan bilangan pemilihnya dalam persempadanan semula itu.

-- BERNAMA  
RAM RAM RON